



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK.IP.(UU):130 JLD 4(37)
Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 11 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN MENGENAI PENGAMBILAN DEPOSIT ATAU MEMINJAM WANG OLEH KOPERASI KREDIT

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk memantau dan mengawal koperasi kredit yang mengambil deposit atau membuat pinjaman mengikut peruntukan Seksyen 50(e), 52(1) dan 52(2) Akta Koperasi 1993.

2. LATAR BELAKANG

Mengikut peruntukan Seksyen 50(e), 52(1) dan 52(2) Akta Koperasi 1993, sesuatu koperasi boleh mengambil deposit atau meminjam wang daripada anggota dan bukan anggota untuk digunakan bagi maksud yang khas dalam perniagaan. Koperasi boleh mengambil deposit atau membuat pinjaman daripada bukan anggota tertakluk kepada had maksimum keterhutangan dengan mengambil kira deposit atau pinjaman yang sedia ada.

3. DEFINISI

"Koperasi kredit" bermaksud semua koperasi yang menjalankan aktiviti memberi pinjaman wang kepada anggota dan bukan anggotanya.

4. HAD PINJAMAN YANG DIBENARKAN

Mengikut peruntukan Seksyen 50(e), 52(1) dan 52(2) Akta Koperasi 1993, jumlah deposit yang boleh diambil atau pinjaman wang yang boleh dibuat oleh koperasi untuk digunakan bagi maksud perniagaannya adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) deposit yang diambil atau pinjaman yang dibuat atau kedua-duanya yang dibuat daripada bukan anggota hendaklah ditetapkan pada kadar tidak melebihi 20 peratus daripada kumpulan wang anggota koperasi berkenaan;

- (b) bagi deposit yang diambil atau pinjaman yang dibuat atau kedua-duanya yang dibuat daripada bukan anggota dengan kadar yang melebihi dua puluh peratus daripada kumpulan wang anggota koperasi berkenaan, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Ketua Pendaftar; dan
- (c) para 4(a) dan 4(b) tidak tertakluk kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan.

5. AM

Semua koperasi kredit hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

s.k Timbalan Ketua Pengarah
(Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri